

# 1,000 pesilat IPT berentap

KUALA LUMPUR 11 Jun - Seramai 1,000 pesilat dari 18 institusi pengajian tinggi (IPT) akan menunjukkan kehebatan masing-masing dalam kejohanan Wajadiri Nasional Silat Cekak Ustaz Hanafi kali ke-15.

Kejohanan itu berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 7 Julai depan, merupakan acara rasmi tahunan Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Malaysia.

Pengarah kejohanan, Mohamad Fikri Makmor berkata, 10 kategori dipertandingkan, antaranya berpasangan, berpasangan terbuka, berkumpulan dan kategori khas.

“Antara aksi yang bakal diperlihatkan ialah menangkis serangan pisau, kaki dan tongkat. Selain itu, adegan silat secara praktikal juga dipersembahkan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, kejohanan yang bertemakan Bersilat Ke Arah Membentuk Peribadi Yang Unggul itu turut disertai pesilat 32 sekolah dan pusat latihan Silat Cekak seluruh negara.

“Kejohanan ini diharapkan dapat menjadi landasan untuk menggalakkan seni mempertahankan diri dalam kalangan pelajar, sekali gus menggalakkan gaya hidup sihat,” katanya.

Kejohanan itu akan dirasmikan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam yang merupakan Presiden Persatuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka).